NEWS HIGHLIGHTS

New Straits Times | Utusan Malaysia | Kosmo! | BH | Sinar | Star | Metro

Date: 23/10/26 Page: 11

UUM/AA88/BH/23.10.2026/P:11(1-3)

Larangan Waze isyarat ketegasan PM pertahan kedaulatan data negara



Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Pengkomputeran, Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia (UUM)

Oleh Dr Nur Suhaili Mansor
bhrencana@bh.com.my

Dalam era analitik data raya dan kecerdasan buatan (AI), jejak digital yang kelihatan remeh boleh menjadi maklumat perisikan bernilai tinggi.

Keputusan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, melarang penggunaan Waze ketika urusan rasmi perkhidmatan awam menegaskan lokasi, identiti dan pergerakan kini adalah aset strategik yang memerlukan perlindungan setanding infrastruktur fizikal.

Selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Siber Negara (JKSN) pada 20 Oktober 2026, Perdana Menteri menegaskan, "Kita tidak boleh berkompromi dalam soal keselamatan data dan identiti rakyat."

Kenyataan Pejabat Perdana Menteri pada keesokannya mengaitkan keputusan itu dengan risiko penyalahgunaan maklumat kerajaan. Pendirian ini berasaskan pertimbangan keselamatan, bukan semata-mata sentimen geopolitik.

Walaupun dimiliki Google sejak 2013, Waze masih menyatakan Waze Mobile Ltd sebagai pengawal data diperbadankan di Israel.

Terma perkhidmatannya memperuntukkan undang-undang Israel dan bidang kuasa mahkamah Tel Aviv. Polisi privasinya merangkumi maklumat lokasi, laluan perjalanan dan peranti.

Kebimbangan ini lebih mudah difahami melalui Sistem Maklumat Geografi (GIS). Dalam bidang GIS, data spatial ialah maklumat yang mempunyai rujukan kedudukan geografi.

Aplikasi navigasi menggabungkan koordinat Sistem Penentududukan Global (GPS), rangkaian jalan, cap masa dan keadaan trafik untuk mencadangkan laluan.

Apabila data itu dikumpulkan berulang kali, analisis spatial boleh mengenal pasti pola pergerakan yang tidak kelihatan melalui satu lokasi sahaja.

Sebagai contoh, ratusan titik GPS yang direkodkan sepanjang beberapa minggu berpotensi mendedahkan lokasi kerja, rutin perjalanan, waktu pertukaran syif serta hubungan antara pejabat kerajaan dengan kemudahan keselamatan.

Jika maklumat itu diperoleh pihak tidak berhak, ia mungkin menghasilkan gambaran mengenai aktiviti strategik negara. Risiko ini tidak semestinya berpunca daripada serangan siber, akses penyedia, perkongsian pihak ketiga dan permintaan berdasarkan undang-undang asing turut memerlukan penelitian.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, menterjemahkan keputusan itu melalui arahan bertarikh 20 Oktober supaya pelaksanaan dibuat 'dengan serta-merta'.

Majlis Keselamatan Negara (MKN) pula menegaskan, 'kemudahan teknologi tidak boleh mengatasi tuntutan keselamatan negara'. Keselarasan keputusan dasar dengan pelaksanaan pentadbiran menunjukkan kepentingan pendekatan keselamatan seluruh kerajaan.

Menurut Soalan Lazim disediakan melalui Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) dan MKN, 'Larangan ini terpakai kepada penjawat awam ketika menjalankan tugas rasmi sahaja'.

Penjawat awam turut digalakkan menyahpasang Waze, tetapi tiada larangan menyeluruh terhadap orang awam.

Perbezaan ini wajar difahami berdasarkan prinsip perkadaran: Pegawai dalam urusan rasmi mungkin terdedah kepada lokasi dan maklumat lebih sensitif, sedangkan sekatan kepada seluruh rakyat memerlukan justifikasi berbeza.

Pengenalan aplikasi tempatan TuJu

NACSA turut menggariskan enam aspek penilaian aplikasi, iaitu jenis data, kebenaran akses, lokasi pemprosesan, tempoh penyimpanan, perkongsian pihak ketiga dan kawalan keselamatan.

Kerangka ini seharusnya digunakan secara konsisten terhadap Google Maps, platform tempatan dan aplikasi lain yang digunakan kerajaan.

Penilaian mestilah berdasarkan risiko sebenar, bukannya negara asal syarikat semata-mata.

Kritikan bahawa Waze bukan satu-satunya platform yang mempunyai kaitan korporat dengan Israel juga perlu dijawab secara objektif.

Moovit, Fiverr, Wix dan monday.com mempunyai fungsi dan akses data berbeza. Oleh itu, larangan Waze wajar menjadi permulaan audit keselamatan digital lebih menyeluruh, bukannya penghujung penelitian terhadap kebergantungan teknologi asing.

Malaysia juga bukan bersendirian dalam pendekatan ini. Pada 2018, Jabatan Pertahanan Amerika Syarikat (AS) mengehadkan geolokasi peranti di kawasan operasi kerana risiko pendedahan kedudukan anggota.

> "Larangan Waze wajar menjadi permulaan audit keselamatan digital lebih menyeluruh, bukannya penghujung penelitian terhadap kebergantungan teknologi asing"

Suruhanjaya Eropah menggantung TikTok pada peranti kerja pada 2023, manakala India menyekat 59 aplikasi pada 2020 atas pertimbangan keselamatan dan kedaulatan. Dasarnya berbeza, tetapi asasnya ialah pengurusan risiko teknologi.

Sebagai alternatif, aplikasi tempatan TuJu dibangunkan melalui kerjasama Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan Prosignal Consortium Sdn Bhd sejak 2022 serta dilancarkan pada 26 November 2025.

TuJu menyediakan navigasi, anggaran masa ketibaan, maklumat trafik semasa, pengiraan tol dan paparan kamera lebuh raya.

Pengguna juga boleh menyemak kawasan rehat, stesen minyak, pengecas kenderaan elektrik dan bantuan kecemasan, selain menyalurkan aduan melalui pautan MyJalan.

Dari perspektif GIS, TuJu membuka peluang memperkukuh ekosistem geospatial negara melalui data jalan, trafik dan maklumat kemudahan yang relevan dengan keperluan tempatan.

Pada masa sama, kemampuan sistem bukan diukur melalui asal pembangunnya. Ketepatan peta, liputan navigasi, kemas kini trafik, perlindungan data serta audit keselamatan bebas perlu menjadi penanda arasnya.

Kepakaran pemetaan digital dan analisis spatial dalam agensi awam, universiti serta industri juga patut digembleng untuk memperkukuh inovasi tempatan secara berterusan.

Kesimpulannya, ketegasan Perdana Menteri dalam hal ini wajar disokong sebagai langkah berhati-hati melindungi kepentingan strategik negara, tetapi ukuran kejayaannya bukanlah jumlah pengguna yang meninggalkan Waze.

Ukuran sebenar adalah sama ada Malaysia berjaya mewujudkan ekosistem navigasi yang selamat, berdaya saing, telus dan menghormati hak rakyat.

Kedaulatan data bermakna rakyat terlindung daripada penyalahgunaan kuasa, sama ada dari luar mahupun dari dalam negara.

Menjaga kedaulatan hari ini bukan lagi sekadar mengawal sempadan fizikal. Ia turut menuntut kita memastikan jejak pergerakan di dalam sempadan itu tidak terbaca oleh pihak yang tidak berhak.



(Foto BERNAMA)